



**FAKTOR PENYERTAAN WANITA DALAM SEKTOR INFORMAL
TERHADAP KESEJAHTERAAN EKONOMI SUBJEKTIF ISI RUMAH DI
ZON TENGAH SEMENANJUNG MALAYSIA**

Oleh

AB. RAZAK BIN OTHMAN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Jun 2022

FEM 2022 32

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**FAKTOR PENYERTAAN WANITA DALAM SEKTOR INFORMAL
TERHADAP KESEJAHTERAAN EKONOMI SUBJEKTIF ISI RUMAH DI
ZON TENGAH SEMENANJUNG MALAYSIA**

Oleh

AB. RAZAK BIN OTHMAN

Jun 2022

Pengerusi : Zuroni binti Md. Jusoh, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Kesejahteraan merupakan asas sebuah kehidupan bagi mencapai kebahagiaan. Kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah bermaksud penilaian seseorang tentang keadaan ekonomi mereka berdasarkan faktor pilihan dan keperluan. Penyertaan wanita bandar dalam sektor informal terdedah dengan pelbagai cabaran dalam pekerjaan kerana sektor informal bersifat rentan. Cabaran lebih sukar dihadapi apabila berlakunya ketidaktentuan ekonomi dan krisis COVID-19 yang telah melanda negara dan seluruh dunia menyebabkan pekerja dalam sektor ini menerima kesan negatif yang besar. Oleh yang demikian, sudah tiba masanya pekerja di sektor ini diberi perhatian khusus oleh pihak kerajaan dalam meningkatkan tahap kebajikan, perlindungan dan pemerkasaan sektor informal negara. Langkah-langkah yang sewajarnya perlu dilaksanakan dan dipergiatkan lagi supaya pekerja dalam sektor ini menikmati tahap kesejahteraan ekonomi subjektif yang lebih baik dari aspek pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan aset yang mampu dimiliki oleh mereka. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti sebab wanita menyertai sektor informal berdasarkan ciri-ciri demografi (umur, pendapatan, taraf pendidikan, bilangan isi rumah dan status perkahwinan) terhadap faktor penyertaan dalam sektor informal. Seterusnya, kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor penyertaan wanita secara pilihan dan keperluan serta mengukur faktor kemahiran sebagai pemboleh ubah perantara terhadap kesejahteraan ekonomi subjektif. Penyertaan wanita adalah secara pilihan dan keperluan dianalisis menggunakan Teori Penyebab, Teori Utiliti dan Teori Kehidupan Maman.

Selanjutnya kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian secara kuantitatif, dengan teknik persampelan rawak berstrata, iaitu seramai 474 orang responden yang dipilih dari zon tengah semenanjung Malaysia meliputi negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Selain itu, instrumen borang soal selidik yang mengandungi lima bahagian iaitu demografi, jenis pekerjaan, faedah, kesejahteraan ekonomi subjektif, faktor penyertaan dan mediator kemahiran telah diedarkan bagi memperoleh data. Data

yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan Perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) dan *Analysis Moment for Structures* (AMOS) IBM AMOS V23 digunakan bagi menganalisis data. Analisis Regresi Linear Berganda dan SEM-AMOS digunakan bagi melihat hubungan dan pengaruh antara pemboleh ubah. Keputusan kajian menunjukkan bahawa ciri-ciri demografi penyertaan wanita secara pilihan yang signifikan ialah pendapatan ($p = 0.008$), dan status perkahwinan (berpisah) ($p = 0.008$) sahaja, manakala, ciri-ciri demografi secara keperluan yang signifikan hanyalah pendapatan sahaja iaitu ($p = 0.008$). Seterusnya, terdapat pengaruh oleh penyertaan wanita secara pilihan dan penyertaan secara keperluan iaitu sebanyak 53 peratus varians dalam sektor informal terhadap kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah. Faktor penyertaan wanita menyumbang secara signifikan terhadap kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah iaitu ($\beta = 0.25$, $p < .001$) menerusi penyertaan secara keperluan dan ($\beta = 0.27$, $p < 0.001$) penyertaan secara pilihan. Pendapatan merupakan ciri demografi yang paling utama yang menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah. Aspek kemahiran pula dilihat sebagai perantara yang signifikan menerusi penyertaan secara pilihan ($\beta = 0.27$, $p < .001$) dan penyertaan secara keperluan ($\beta = 0.18$, $p < .001$) terhadap kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah. Kemahiran yang dimiliki akan meningkatkan produktiviti dan pekerja mahir sentiasa diperlukan oleh majikan. Justeru, implikasi dapatan kajian ini membuktikan bahawa sektor pekerjaan informal perlu diambil perhatian secara serius oleh pihak kerajaan bagi meningkatkan tahap kebajikan, perlindungan, kemakmuran dan kesejahteraan ekonomi secara menyeluruh. Selain itu, disarankan agar semua pihak khususnya pihak kerajaan mempunyai hala tuju dan dasar yang jelas untuk meningkatkan kualiti pekerjaan dalam sektor informal. Program penambahbaikan seperti program peningkatan kemahiran, perlindungan pekerjaan serta peluang pendapatan yang memadai perlu dipergitikan lagi agar dapat memberi manfaat kepada 2.54 juta pekerja dalam sektor informal di Malaysia. Kesimpulannya, kajian ini telah memberi sumbangan signifikan terhadap implikasi teori dan praktikal penyertaan wanita dalam sektor informal dan seterusnya menjawab semua persoalan dan objektif kajian.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

THE FACTORS OF WOMEN'S PARTICIPATION IN THE INFORMAL SECTOR ON THE SUBJECTIVE ECONOMIC WELL-BEING OF THE HOUSEHOLD IN THE CENTRAL ZONE OF PENINSULA MALAYSIA

By

AB. RAZAK BIN OTHMAN

June 2022

Chairman : Zuroni binti Md. Jusoh, PhD
Faculty : Human Ecology

Well-being is the basis of a life to achieve happiness. The subjective economic well-being of a household means a person's assessment of their economic situation based on factors of choice and need. The participation of urban women in the informal sector is exposed to various challenges in employment because the informal sector is vulnerable. Challenges are more difficult to face when there is economic uncertainty and the COVID-19 crisis that has hit the country and the whole world causing workers in this sector to receive a large negative impact. Therefore, the time has come for workers in this sector to be given special attention by the government in improving the level of welfare, protection and empowerment of the country's informal sector. Appropriate measures need to be implemented and intensified so that workers in this sector enjoy a better level of subjective economic well-being in terms of income, expenses, savings and assets that they can afford. The main purpose of this study is to identify the reasons women participate in the informal sector based on demographic characteristics (age, income, education level, number of households and marital status) against the factors of participation in the informal sector. Next, this study aims to analyze the factors of women's participation by choice and necessity as well as measure the skills factor as mediator variable of subjective economic well-being. Women's participation by their choice and necessity are analyzed based on Causal Theory, Utility Theory and Sustainable Livelihood Theory.

Further, the study was conducted using a quantitative research method, with a stratified random sampling technique, that is a total of 474 respondents selected from the central zone of peninsular Malaysia covering the states of Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya. In addition, a questionnaire instrument containing five sections namely demographics, job type, benefits, subjective economic well-being, participation factors and skill mediators was distributed to obtain data. The data obtained was analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) and Analysis Moment for Structures

(AMOS) IBM AMOS V23 software was used to analyze the data. Multiple Linear Regression Analysis and SEM-AMOS were used to see the relationship and influence between variables. The results of the study show that the demographic characteristics of women's participation as a significant choice are income ($p = 0.008$), and marital status (separated) ($p = 0.008$) only, while, the demographic characteristics as a necessity are only income ($p = 0.008$). Next, there is an influence by women's participation by choice and participation by necessity, which is as much as 53 percent of the variance in the informal sector on the subjective economic well-being of the household. The factors of women's participation contributes significantly to the subjective economic well-being of the household, ($\beta = 0.25$, $p < .001$) through necessity participation and ($\beta = 0.27$, $p < 0.001$) through choice participation. Income is the most important demographic characteristic that contributes to the subjective economic well-being of households. The skill aspect is seen as a significant mediator through participation by choice ($\beta = 0.27$, $p < .001$) and participation by necessity ($\beta = 0.18$, $p < .001$) to the subjective economic well-being of the household. Skills aspect will increase productivity and skilled workers are always needed by the employers. Thus, the implications of the findings of this study prove that the informal employment sector needs to be taken seriously by the government in order to improve welfare, protection, prosperity and overall economic well-being of household. In addition, it is recommended that all parties, especially the government, have a clear direction and policy to improve the quality of employment in the informal sector. Improvement programs such as skills improvement programs, job protection and adequate income opportunities need to be intensified in order to benefit the 2.54 million workers in the informal sector in Malaysia. In conclusion, this study has contributed to the theoretical and practical implications of urban women's participation in the informal sector and all the questions and objectives of the study answered.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim,

Syukur Alhamdulillah kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya, penulisan tesis ini dapat disempurnakan. Saya ingin merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada penyelia utama saya, Dr. Zuroni binti Md. Jusoh dan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Prof. Madya Dr. Husniyah binti Abd. Rahim @ Abd. Wahab dan Dr. Wan Arnidawati bin Wan Ahmad di atas bantuan, bimbingan, teguran, idea, sokongan dan nasihat yang tidak ternilai yang telah diberikan kepada saya sepanjang tempoh penyeliaan tesis ini. Semoga bantuan yang disumbangkan mendapat ganjaran pahala dan keredhaan Allah S.W.T.

Terima kasih istimewa ditujukan kepada keluarga tercinta kerana telah memberikan komitmen yang tinggi dan galakan serta dorongan tidak berbelah bagi. Penghargaan khas buat isteri tercinta Roslina binti Mohd. Nor, Ibu yang dikasihi, Zaharah binti Mat Tahir, serta anak-anak tersayang dunia akhirat, Aidel Razeq Hakimey, Aini Rif'ah Hasya, Adam Rafique Hazeem, Aliesya Rif'ah Humairah dan Azfar Ramadhan Hasif yang sentiasa menjadi kekuatan dan sumber inspirasi buat diri ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada semua pengurusan tertinggi dan kakitangan DBKL, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Perbadanan Putrajaya, Jabatan Perangkaan Malaysia, Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) dan semua responden yang terlibat di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya kerana memberi bantuan input, maklumat dan sudi meluangkan masa dan memberikan sepenuh kerjasama yang cukup baik semasa kajian ini dilaksanakan. Tidak lupa juga kepada semua pegawai-pegawai dan staff Jabatan Perangkaan Malaysia Pengarah Bahagian Guna Tenaga Informal Pn. Riyanti binti Saari, para pegawai Pn. Norhanizah binti Abu Hanit, Pn. Noor Masayu binti Mohd. Khalili, En. Wan Mohd Saufi bin Wan Ghazali dan Pn. Nuradila binti Daud. Tidak lupa juga kepada Dr. Balasubramaniam a/l Tarumarajah (ILMIA), Dr. Mohd Ridwan bin Ab. Razak (ILMIA), Dr. Mohd Azahar bin Mohamed Ali Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), yang banyak membantu dan memberikan kerjasama dalam memperolehi maklumat dan penerangan bagi menyiapkan kajian ini.

Akhir kata, terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan pandangan, dan sudi berkongsi pengetahuan dalam membantu menjayakan kajian ini.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Zuroni binti Md. Jusoh, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia.
(Pengerusi)

Husniyah binti Abd. Rahim@ Abd. Wahab, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia.
(Ahli)

Wan Ardinawati binti Wan Abdullah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia.
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 9 Mac 2023

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Nama dan No. Matrik : Ab. Razak bin Othman

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi;

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Zuroni binti Md. Jusoh

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor. Madya Dr. Husniyah binti Abd. Rahim@ Abd. Wahab

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Wan Ardinawati binti Wan Abdullah

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat	
ABSTRAK	i	
ABSTRACT	iii	
PENGHARGAAN	v	
PENGESAHAN	vi	
PERAKUAN	viii	
SENARAI JADUAL	xiv	
SENARAI RAJAH	xviii	
SENARAI LAMPIRAN	xx	
SENARAI SINGKATAN	xxi	
BAB		
1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang	2
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Persoalan Kajian	11
1.5	Objektif Kajian	12
1.6	Hipotesis Kajian	13
1.7	Skop dan Limitasi Kajian	13
1.8	Kepentingan Kajian	15
1.9	Organisasi Penulisan Tesis	17
1.10	Definisi Istilah	18
	1.10.1 Kesejahteraan Ekonomi Subjektif	18
	1.10.2 Penyertaan wanita	19
	1.10.3 Sektor informal	19
	1.10.4 Kemahiran	20
1.11	Rumusan	20
2	KAJIAN LITERATUR	21
2.1	Pengenalan	21
2.2	Konsep Asas Sektor dan Pekerjaan Informal	21
2.3	Penyertaan Wanita dalam Sektor Informal	24
2.4	Konsep, Pendekatan dan Pengukuran Kesejahteraan Ekonomi Subjektif	26
2.5	Teori Kajian	31
	2.5.1 Teori Penyebab (<i>Causal</i>)	32
	2.5.2 Teori Utiliti	36
	2.5.3 Teori Kehidupan Mampan	39
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	42
2.7	Kerangka Teori Penyelidikan	43
2.8	Faktor Demografi dan Kesejahteraan	46
2.9	Metodologi dan Sumber Data	49
2.10	Perkembangan Pekerjaan Informal di Peringkat Global	50
2.11	Faktor Penyertaan Wanita Dalam Sektor Informal	54

2.11.1	Faktor Demografi Dengan Penyertaan Secara Keperluan	54
2.11.2	Faktor Demografi dengan Penyertaan Secara Pilihan	56
2.12	Faktor Penyertaan dengan Kesejahteraan Ekonomi Subjektif Isi Rumah	58
2.13	Faktor Penyertaan Secara Pilihan dan Keperluan Terhadap Kesejahteraan Ekonomi Subjektif	62
2.14	Pengaruh Mediator Kemahiran	64
2.15	Status Semasa Penyertaan Wanita Dalam Sektor Informal di Malaysia	66
2.16	Demografi Sektor Informal di Malaysia	69
2.16.1	Umur	69
2.16.2	Pendapatan	69
2.16.3	Pencapaian Akademik	70
2.16.4	Bilangan Isi rumah	70
2.16.5	Status Perkahwinan	71
2.17	Kategori Penyertaan Wanita Dalam Sektor Informal	71
2.18	Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Sektor Informal	72
2.19	Proses Digitalisasi Pekerjaan Informal	73
2.20	Rumusan	75
3	METODOLOGI KAJIAN	76
3.1	Pengenalan	76
3.2	Reka Bentuk Kajian	76
3.3	Kaedah Pemilihan Populasi dan Sampel Kajian	77
3.3.1	Teknik Pensampelan Rawak Berstrata	77
3.3.2	Lokasi Kajian	78
3.3.3	Prosedur Pensampelan	78
3.3.4	Penentuan Saiz Sampel	85
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	87
3.4.1	Data Primer	88
3.4.2	Instrumen Borang Kaji Selidik	88
3.4.3	Pemilihan Responden	93
3.4.4	Strategi Pengumpulan Data Kajian	94
3.4.5	Proses Penterjemahan	95
3.4.6	Data Sekunder	96
3.4.7	Etika Pelaksanaan Kajian	97
3.5	Kaedah Analisis Data	98
3.5.1	Analisa Data Kuantitatif	98
3.5.2	Analisis Deskriptif	98
3.5.3	Analisis Inferensi	99
3.5.4	Analisis Regresi Linear Berganda	100
3.5.5	Analisis Faktor	103
3.6	Pengesahan Instrumen, Model Pengukuran, dan Model Struktur yang Dibangunkan Melalui Analisis Faktor Pengesahan (<i>Confirmatory Factor Analysis</i>)	103
3.6.1	Analisis Faktor Penerokaan (EFA)	104
3.6.2	Analisis Pengesahan Faktor (CFA)	104
3.6.3	Analisis Model Persamaan Berstruktur (SEM)	105

	3.6.4	Model Fit	106
3.7		Analisis Kebolehpercayaan	107
	3.7.1	Ujian Rintis	107
3.8		Ujian Kebolehpercayaan Analisis Faktor Penerokaan (EFA)	107
	3.8.1	Analisis Ujian Faktor Penerokaan (EFA) bagi Konstruk Penyertaan Wanita dalam Pekerjaan Informal.	108
	3.8.2	Analisis Ujian Faktor Penerokaan (EFA) bagi Konstruk Kemahiran	109
	3.8.3	Analisis Faktor Penerokaan (EFA) bagi Konstruk Kesejahteraan	110
	3.8.4	Model Persamaan Struktur (<i>Structural Equation Modeling</i> , SEM) menggunakan Perisian <i>Analysis of Movement Structural</i> (AMOS)	111
	3.8.5	Senarai Pemboleh Ubah dalam SEM	116
	3.8.6	Pengujian Hipotesis Model Kesan Pemboleh Ubah Pengantara	118
	3.8.7	Analisis Faktor Pengesahan bagi Konstruk Penyertaan Wanita Secara Pilihan	119
	3.8.8	Analisis Faktor Pengesahan bagi Konstruk penyertaan wanita secara Keperluan	120
	3.8.9	Analisis Faktor Pengesahan Bagi Konstruk Kesejahteraan Ekonomi Subjektif	121
	3.8.10	Analisis Faktor Pengesahan bagi Konstruk kemahiran	123
3.9		Rumusan	124
4		HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	125
	4.1	Pengenalan	125
	4.2	Analisis Demografi	125
	4.3	Pengurusan Data	126
	4.3.1	Penapisan Data	126
	4.3.2	Analisis Kehilangan Data	126
	4.3.3	Penilaian Pencilan/ Outlier	126
	4.3.4	Andaian Kenormalan	127
4.4		Analisis Data Awalan	127
	4.4.1	Analisis Deskriptif	127
	4.4.2	Kesejahteraan Ekonomi Subjektif	131
	4.4.3	Faktor Penyertaan Wanita Dalam Pekerjaan/Perniagaan Informal	133
4.5		Dapatan kajian Inferen	138
	4.5.1	Objektif Kajian 1	138
	4.5.2	Objektif Kajian 2	143
	4.5.3	Objektif Kajian 3	144
	4.5.4	Objektif Kajian 4	148
	4.5.5	Objektif Kajian 5	150
4.6		Penilaian Model Pengukuran	155
4.7		Model Berstruktur	157
4.8		Perbincangan Dapatan Kajian	159

4.9	Rumusan	162
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	164
5.1	Pengenalan	164
5.2	Ringkasan Kajian	164
5.3	Kesimpulan Kajian	166
5.4	Cadangan Program Kemahiran Pekerja dan Peningkatan Pendapatan Wanita Dalam Sektor Informal.	172
5.5	Hala Tuju Kesejahteraan Ekonomi Subjektif	173
5.6	Strategi Pelaksanaan Pemerkasaan Wanita di Sektor Informal	173
5.7	Signifikan Kajian	177
5.8	Implikasi Kajian	177
5.9	Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Sektor Informal	180
5.10	Limitasi Kajian	182
5.11	Cadangan Kajian Lanjutan Pada Masa Depan	183
	RUJUKAN	186
	LAMPIRAN	200
	BIODATA PELAJAR	232
	SENARAI PENERBITAN	233

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1 Ciri-Ciri Sektor Formal dan Informal Sebagaimana Dirangka ILO (1972)	23
2.2 Aliran Pemikiran <i>Dualist</i> , Dimensi dan Perspektif Pemikiran	34
2.3 Aliran Pemikiran Ahli Struktur (<i>Structuralist</i>), Dimensi dan Perspektif Pemikiran	35
2.4 Aliran Pemikiran Sukarela Dimensi dan Perspektif.	35
2.5 Aliran Pemikiran Perundangan, Dimensi dan Perspektif Pemikiran	36
2.6 Berikut ialah Komposisi Pekerjaan Informal dan Jumlah Peratusan Pekerjaan Berdasarkan Wilayah di Dunia (Tidak Termasuk Negara Maju)	51
2.7 Susunan Sebab dan Keutamaan Penyertaan Pekerjaan dan Perniagaan Dalam Sektor Informal Serta Masalah Yang Biasa Dihadapi Oleh Responden.	72
3.1 Pengagihan Lokasi Kajian Berdasarkan Pembahagian Zon	79
3.2 Penentuan dan Justifikasi Saiz Sampel	82
3.3 Pengagihan Lokasi Kajian Berdasarkan Daerah, Mukim dan Precint di Selangor, Kuala Lumpur serta Putrajaya	82
3.4 Pecahan Zon Mengikut Majlis Perbandaran, Bilangan Rumah, Peratus dan Jumlah Responden	83
3.5 Maklumat Populasi dan Bilangan Pekerja Wanita Dalam Sektor Informal di Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya	85
3.6 Jadual Saiz Sampel Berdasarkan Populasi	86
3.7 Ringkasan Borang Kaji Selidik	89
3.8 Bahagian D, Borang Kaji Selidik	91
3.9 Bahagian E, Borang Kaji Selidik (Pilihan)	91
3.10 Bahagian E, Borang Kaji Selidik (Keperluan)	92
3.11 Bahagian F, Borang Kaji Selidik Kemahiran dan Kompetensi	92

3.12	Skala <i>Likert</i> Lima Poin yang Digunakan dalam Kajian	93
3.13	Proses Pemilihan Sampel dan Edaran Borang Soal Selidik	94
3.14	Selang Skala Min	98
3.15	Tafsiran ke Atas Nilai Pekali Alpha Cronbach	99
3.16	Tolerans dan VIF	102
3.17	Kategori Indeks dan Indeks Minimum	103
3.18	Indeks Kesepadanan Serta Jenis Indeks Bagi Analisis CFA	105
3.19	Hasil Rumusan Analisis Faktor Setiap Item Keperluan dan Pilihan	108
3.20	Hasil Rumusan Analisis Faktor Setiap Item bagi Konstruk Kemahiran	109
3.21	Hasil Rumusan Analisis Faktor Setiap Item Kesejahteraan	110
3.22	Analisa Silang bagi Memahami Taburan Demografi Responden	111
3.23	Simbol Structural Equation Modeling, SEM	112
3.24	Keesahan Diskriminan	114
3.25	Pekali Korelasi bagi Hubungan Antara Konstruk Pemandam	114
3.26	Keputusan CFA bagi Model Pengukuran	114
3.27	Ukuran Rujukan dan Nilai Ambang	116
3.28	Ringkasan Model Pengukuran Setiap Konstruk Selepas Analisis Faktor Pengesahan	116
3.29	Ringkasan Statistik Padanan Model Pengukuran Konstruk Pilihan	120
3.30	Ringkasan Statistik Padanan Model Pengukuran Konstruk Keperluan	121
3.31	Ringkasan Statistik Padanan Model Pengukuran Ekonomi Subjektif	122
3.32	Ringkasan Statistik Padanan Model Pengukuran Konstruk Kemahiran	124
4.1	Maklum Balas Kajian Sebenar	126
4.2	Kepencongan dan Kurtosis Setiap Konstruk (N = 474)	127

4.3	Latar Belakang Responden (N =474)	128
4.4	Penilaian Skor Min	131
4.5	Analisis Min dan Sisihan Piawai bagi Kesejahteraan Ekonomi Subjektif	132
4.6	Analisis Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor Penyertaan Wanita Secara Pilihan Dalam Sektor Informal	134
4.7	Analisis Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor Penyertaan Wanita Secara Keperluan di Sektor Informal	136
4.8	Analisis Min dan Sisihan Piawai Bagi Kemahiran dan Kompetensi yang Diperlukan Kemahiran	138
4.9	Keputusan Regresi Linear Berganda	139
4.10	Keputusan Analisis ANOVA Secara Pilihan	140
4.11	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Demografi Dengan Faktor Penyertaan Secara Pilihan	141
4.12	Jadual R ² Faktor Penyertaan Secara Keperluan	141
4.13	Keputusan Analisis ANOVA Secara Keperluan	142
4.14	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Demografi Dengan Faktor Penyertaan Secara Keperluan	142
4.15	Keputusan Regresi Linear Berganda	143
4.16	Keputusan analisis ANOVA Kesejahteraan Ekonomi Subjektif	143
4.17	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Demografi Dengan Kesejahteraan Ekonomi Subjektif	144
4.18	Ringkasan Statistik Padanan Model Berstruktur	146
4.19	Keputusan Analisis Laluan (Path Analysis)	147
4.20	Ringkasan Statistik Padanan Model Berstruktur	149
4.21	Keputusan Analisis Laluan (<i>Path Analysis</i>)	149
4.22	Keputusan Analisis Laluan (<i>Path Analysis</i>)	150
4.23	Keputusan Analisis Laluan (<i>Path Analysis</i>)	150

4.24	Keputusan Analisis Laluan (<i>Path Analysis</i>) Tanpa Mediator Kemahiran	152
4.25	Keputusan Kesan Mediator Bagi Hubungan Antara Penyertaan Wanita Secara Pilihan ke Atas Kesejahteraan	152
4.26	Keputusan Kesan Mediator bagi Hubungan Antara Penyertaan Wanita Secara Keperluan Terhadap Kesejahteraan Ekonomi Subjektif	154
4.27	Ringkasan Statistik Padanan Model Pengukuran	156
4.28	Ringkasan Statistik Padanan Model Struktural	158
4.29	Ringkasan Statistik Padanan Model Struktural (Disemak)	159
4.30	Ringkasan Dapatan Kajian	162

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
2.1	Kerangka Teori Utiliti Berdasarkan Harper dan Price 2011	38
2.2	Kerangka Teori Kehidupan Mampan	40
2.3	Kerangka Konseptual Kajian	43
2.4	Kerangka Teori Penyelidikan	45
2.5	Adaptasi Model Pekerjaan informal WIEGO: Hierarki Pendapatan dan Risiko Kemiskinan Mengikut Status Pekerjaan dan Jantina	53
2.6	Ringkasan Sektor Informal di Malaysia 2019	67
2.7	Guna Tenaga Sektor Informal Mengikut Jenis Pekerjaan	68
3.1	Proses Kerangka Pensampelan Kajian	80
3.2	Tujuan Rangka Pensampelan	80
3.3	Peta Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya	86
3.4	Histogram Regresi Ralat Berpiawai	101
3.5	Plot Sebaran	102
3.6	Model Pemboleh ubah Pengantara Baron dan Kenny (1986) Sumber: Baron dan Kenny 1986	118
3.7	Model Pengukuran bagi Konstruk Pilihan (Disemak)	119
3.8	Model Pengukuran bagi Konstruk Keperluan (Disemak)	120
3.9	Model Pengukuran Bagi Konstruk Kesejahteraan Ekonomi Subjektif	122
3.10	Model Pengukuran bagi Konstruk Kemahiran (Disemak)	123
4.1	Model Penyertaan Wanita Bandar dalam Pekerjaan/Perniagaan dalam Sektor Informal terhadap Kesejahteraan ekonomi subjektif Isi Rumah	146
4.2	Model Pengaruh Penyertaan Wanita Bandar dalam Pekerjaan dalam Sektor Informal terhadap Kesejahteraan Subjektif Ekonomi Isi Rumah	148

4.3	Pengaruh Langsung Penyertaan Wanita Bandar Secara Pilihan dan Keperluan Terhadap Tahap Kesejahteraan Ekonomi Subjektif	151
4.4	Kemahiran Sebagai Mediator bagi Hubungan Antara Penyertaan Wanita Secara Pilihan Ke Atas Kesejahteraan Ekonomi Isi Rumah	153
4.5	Pengaruh Langsung Penyertaan Wanita Bandar Secara Keperluan terhadap Tahap Kesejahteraan Ekonomi Subjektif	153
4.6	Kemahiran Sebagai Mediator bagi Pengaruh oleh Penyertaan Wanita Berdasarkan Keperluan Terhadap Kesejahteraan Ekonomi Subjektif Isi Rumah	154
4.7	Model Pengukuran Bagi Kesemua Konstruk Pendam	156
4.8	Model Penyertaan Wanita Bandar dalam Sektor Informal terhadap Kesejahteraan ekonomi subjektif Isi Rumah	157
4.9	Model Pengaruh Penyertaan Wanita Bandar dalam Sektor Informal terhadap Kesejahteraan ekonomi subjektif Isi Rumah	158

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka surat
A	Jadual Saiz Sampel Krejchie and Morgan (1970)	200
B	Jadual Taburan Jumlah Rumah dan Penduduk di 24 Zon Ahli Majlis (MPP) MDKL	201
C	Borang Soal Selidik	202
D	Keputusan Analisis Faktor (EFA)	215
E	Peta: Lokasi kajian Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya	221
F	Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020	222
G	Klasifikasi Pendapatan Isi Rumah di Malaysia Mengikut Kumpulan Pendapatan, Tahun 2019	223
H	Surat Permohonan Kebenaran Kutipan Data	224
I	Surat Permohonan Kebenaran Kutipan Data	226
J	Surat Kebenaran Menjalankan Kutipan Data dari SUK Negeri Selangor	228
K	Surat Kebenaran Menjalankan Kutipan Data dari DBKL	229
L	Surat Kelulusan Jawatankuasa Etika UPM	231

SENARAI SINGKATAN

BP	Blok Perhitungan
BRIM	Bantuan Rakyat 1Malaysia
CFA	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
DPN	Dasar Perbandaran Negara
EPF	<i>Employee provident Fund</i>
APA	<i>American Planning Association</i>
CFSS	<i>Concerned for Sg Selangor</i>
DOSM	<i>Department of Statistic Malaysia</i>
EFA	<i>Exploring Factor Analysis</i>
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
ILO	<i>International Labour Organisation</i>
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KLIA	<i>Kuala Lumpur International Airport</i>
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
km ²	kilometer persegi
MDEC	<i>Malaysia Digital Economy Corporation</i>
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
SWB	<i>Subjective Wellbeing</i>
SD	<i>Sustainable Development</i>
NGO	<i>Non Government Organisation</i>
PBB	Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan

PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PhD	Doktor Falsafah
MP	Majlis Perbandaran
DPWN	Dasar Pembangunan Wanita Negara
TK	Tempat Kediaman
RT	Rancangan Tempatan
SKVE	<i>South Klang Valley Ekspres Highway</i>
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
SEM	<i>Structural Equaling Model</i>
UPEN	Unit Perancang Ekonomi
WCE	<i>West Coast Ekspres Highway</i>
WHO	<i>World Health Organization</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sejak kehidupan manusia bermula, peranan lelaki dan wanita terbentuk dalam rutin kehidupan seharian. Seiring berjalannya waktu, peranan jantina dan bentuk tugas ini menjadi begitu jelas sehingga manusia berkembang berdasarkan kepada status sesebuah masyarakat. Elemen kekayaan materialistik, status, pembentukan suku dan puak serta perkembangan bangsa menyumbang ke arah pelaksanaan tugas. Setiap individu perlu menjadikan "ekonomi" sebagai paksi kelangsungan hidup dalam kalangan masyarakat (Fabrica dan David, 2010). Perkembangan ini menyetengahkan fungsi sebenar kehidupan seharian golongan lelaki dan wanita berdasarkan segmen pekerjaan (Abiodun, 2021). Pengertian "tahap ekonomi" terbentuk sejak beratus-ratus tahun yang lalu. Ia menjadi sebahagian daripada penyusunan sosial sesebuah masyarakat (Mohyuddin et al., 2012).

Secara tradisinya, sejak dahulu wanita memikul tugas untuk menguruskan rumah tangga seperti menjaga anak, memasak, membersihkan, mengemas, mencuci serta pelbagai lagi. Namun demikian, sejak bermulanya era revolusi perindustrian, iaitu pada akhir kurun ke-18 hingga revolusi teknologi pada masa kini, peranan jantina mula berubah kepada bentuk yang baharu. Kini, golongan wanita telah melakukan banyak pekerjaan yang dahulunya dianggap sebagai pekerjaan khusus untuk golongan lelaki. Wanita merupakan tunjang dalam sesebuah institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan. Peranan wanita sebagai seorang isteri dan ibu telah berkembang ke arah kerjaya yang lebih profesional seperti guru, pensyarah, penasihat kewangan keluarga, jururawat, dan lain-lain lagi (Muryani et al., 2018). Di kawasan bandar misalnya, didapati bahawa terdapat golongan wanita yang bekerja di dalam agensi kerajaan, swasta, ahli perniagaan (termasuk sebarang dalam talian), pemandu (trak, teksi, e-panggilan), perhotelan, dan sebagainya merentasi semua sektor pekerjaan dan perniagaan (Murialti, 2019).

Sementara itu, sebilangan lelaki pula memainkan peranan dan tanggungjawab dalam menguruskan rumah tangga yang dahulunya sangat sinonim dengan wanita. Tugas tersebut termasuklah memasak, mengemas rumah, menjaga anak, membeli barang runcit, dan sebagainya. Perubahan peranan jantina ini juga dilihat banyak berlaku dalam institusi keluarga era moden. Malah, peranan wanita telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam kegiatan ekonomi isi rumah (Mohyuddin et al., 2012). Justeru, tidak menghairankan apabila penyertaan wanita pada masa kini dalam sektor pekerjaan informal bukan sahaja berperanan memikul tanggungjawab dalam sesebuah keluarga malah turut memberikan sumbangan yang penting terhadap pembangunan ekonomi keluarga dan negara secara amnya. Wanita memilih melakukan pekerjaan dalam sektor informal kerana faktor fleksibiliti masa dalam menyeimbangkan peranan suri rumah tangga dengan pekerjaan yang menghasilkan pendapatan (ILO, 2019). Kajian yang telah dijalankan oleh Gallaway dan Bernasek (2002) mendapati bahawa tahap pendidikan yang rendah dan tugas menguruskan anak merupakan faktor penyebab wanita memilih untuk bekerja dalam sektor informal.

Banyak kajian lepas yang membicarakan tentang konsep kesejahteraan ekonomi. Arena kesejahteraan ekonomi subjektif (KES) dalam sektor informal menggunakan proksi kawalan pemboleh ubah ekonomi, iaitu pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan aset. Kesejahteraan ekonomi subjektif atau lebih dikenali sebagai “ekonomi kebahagiaan” merupakan pendekatan yang dilaksanakan untuk menilai kesejahteraan dan biasanya digunakan oleh ahli ekonomi. Pendekatan ini bertujuan untuk memahami penentu kesejahteraan manusia, termasuk pendapatan dan dimensi bukan pendapatan (Graham, 2016). Menurut Renwick (2006), kesejahteraan ekonomi memberikan perasaan seronok, bahagia dan berasa hidup lebih bermakna. Konsep Kesejahteraan Ekonomi memberikan nilai kepada manusia mengenai bagaimana mereka berkembang melalui petunjuk utama ekonomi, iaitu tingkat pendapatan dan keuntungan (Fabrica et al., 2010; Azizah et al., 2014).

Selanjutnya, konsep kesejahteraan ekonomi subjektif merupakan penilaian sendiri terhadap kebahagiaan, kegembiraan dan kepuasan. Penilaian dan ukuran juga dilakukan secara menyeluruh dan spesifik (Diener et al., 1997; Tov dan Diener, 2007). Pengukuran kesejahteraan subjektif dilihat berdasarkan penilaian perkembangan hidup, sama ada menjadi lebih baik atau sebaliknya. Bagi mendapatkan maklumat tersebut, pentafsiran sendiri digunakan untuk mengumpul maklumat yang berkaitan dengan tahap KES setiap individu. Hal ini adalah kerana KES menjana suasana yang lebih terarah kepada pembentukan kebahagiaan dan keamanan dalam sesebuah keluarga, komuniti serta sesebuah negara (Roslan et al., 2008; Zulfikri, 2015). Keadaan ini selaras dengan lumrah kehidupan manusia bahawa setiap daripada kita sentiasa menginginkan kebahagiaan, keseronokan serta berasa lebih gembira apabila keinginan mereka tercapai.

KES merupakan pengukuran kualiti hidup yang subjektif dan dilihat daripada pelbagai sudut pandangan yang berbeza, sesuai dengan sifat ukuran yang subjektif (Galloway et al., 2005). Tahap kesejahteraan hidup juga merangkumi aspek demografi seperti jantina, umur, status perkahwinan dan mempunyai kaitan dengan status pekerjaan, agama, pemilikan anak, tahap pendidikan, status warganegara dan personaliti individu (Kroll, 2011). Kajian Kroll (2011) yang menggunakan analisis silang menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara kumpulan umur, jantina, pendapatan, status perkahwinan dan pemilikan anak terhadap nilai dan kepercayaan, hubungan sivik serta proses sosialisasi terhadap tahap kesejahteraan ekonomi subjektif.

1.2 Latar Belakang

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) meletakkan wanita sebagai asas kesaksamaan jantina dengan kaum lelaki serta memperkasakan wanita bagi pembangunan inklusif dan mampan. Pemerksaan ekonomi wanita secara asasnya mendorong hasil pembangunan yang lebih baik dan lestari sekaligus menyokong pemulihan yang lebih pantas dalam mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (PBB, 2021). Wanita mempunyai impian untuk memperoleh hak dan peluang yang sama serta dapat hidup bebas daripada unsur keganasan, diskriminasi pekerjaan serta ketidakadilan dalam sektor pekerjaan. Wanita juga memerlukan perlindungan sosial bagi menjaga kebajikan dan sumber pendapatan untuk meneruskan kehidupan khususnya kumpulan rentan dan individu berpendapatan rendah (Adams et al., 2013).

Seterusnya, kumpulan mudah miskin seperti penjaja, usahawan mikro, artis dan pekerja informal menanggung kehilangan mata pencarian akibat daripada krisis COVID-19. Kaji selidik yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia telah menunjukkan bahawa kadar kehilangan pekerjaan yang paling tinggi ketika negara menghadapi fasa pertama Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) melibatkan mereka yang menceburkan diri dalam sektor pertanian dan perniagaan secara persendirian. Pelaksanaan PKP pada separuh kedua bulan Mac tahun 2020 bertujuan untuk menghentikan penularan wabak COVID-19 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Krisis yang berlaku ini menyebabkan rakyat menghadapi kesukaran untuk melakukan aktiviti harian mereka dan memberikan kesan kepada perkembangan sektor ekonomi negara. Justeru, sistem perlindungan sosial negara wajar dipertingkatkan bagi melindungi rakyat dengan lebih berkesan agar tiada kelompok rakyat di negara ini ketinggalan atau terabai terutamanya isi rumah dalam sektor pekerjaan informal (Wahab et al., 2021).

Secara amnya, aspek kesejahteraan rakyat di Malaysia mendapat perhatian pemerintah sejak awal tahun 70-an apabila Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah dilaksanakan. DEB mempunyai matlamat untuk membasmi kemiskinan melalui peningkatan peluang pekerjaan dan program perniagaan yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan. Misi ini telah diteruskan dalam Rancangan Malaysia hingga Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), 2021-2025. Perancangan dan dasar kerajaan ini dilaksanakan bertujuan untuk mencapai status negara makmur, inklusif dan mampan sejajar dengan dasar Wawasan Kemakmuran Bersama tahun 2030. Pembangunan sosioekonomi yang mampan dapat menghapuskan kemiskinan tegar secara khusus dan mengurangkan ketidaksamaan ekonomi dalam kalangan rakyat (Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021). Rancangan dan dasar kerajaan ini saling melengkapi antara satu sama lain ke arah mencapai model pembangunan baharu yang berasaskan kepada kemakmuran bersama.

Selain itu, pelaksanaan ini juga sejajar dengan usaha kerajaan untuk mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goal*) seperti yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). *Sustainable Development Goal* (SDG) ditetapkan pada tahun 2015 dan dirancang untuk dicapai menjelang tahun 2030. Agenda Pembangunan Mampan (SDG) berfungsi sebagai rangka tindakan secara kolektif untuk mencapai masa depan yang lebih baik untuk semua golongan rakyat terutamanya dalam kalangan rakyat yang berpendapatan rendah. SDG mempunyai matlamat dengan menyeru semua negara untuk mengambil tindakan bagi menamatkan masalah kemiskinan dan menangani isu keperluan ekonomi dan sosial demi kemakmuran semua negara di dunia (Unit Perancangan Ekonomi, 2021). Sasaran SDG yang kelima dalam piawaian perburuhan antarabangsa adalah untuk meningkatkan kesaksamaan jantina agar dapat membentuk masyarakat yang seimbang, mengurangkan kadar kemiskinan, mempromosikan kesihatan, pendidikan, perlindungan dan kesejahteraan bagi golongan wanita (Unit Perancangan Ekonomi, 2021).

Selain itu, Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) pula membolehkan wanita mengimbangi antara pekerjaan dengan pengurusan rumah tangga seperti penjagaan anak dengan lebih baik. Matlamat MDG adalah untuk menghapuskan jurang perbezaan jantina dalam pendidikan rendah dan menengah serta meningkatkan penglibatan wanita dalam pekerjaan bergaji untuk semua sektor (Mokhtsim et al., 2014). Berdasarkan sejarah, kanak-kanak perempuan mempunyai akses ke sekolah rendah dan menengah

yang tidak setara. Jurang jantina di peringkat sekolah rendah sebahagian besarnya telah hilang sejak tahun 1970 an. Namun demikian, menjelang tahun berikutnya, enrolmen sekolah menengah di seluruh Malaysia termasuk di peringkat pengajian tinggi telah memperlihatkan jumlah pelajar perempuan telah melebihi jumlah pelajar lelaki (Mokhtsim et al. 2014). Perkembangan ini mencerminkan bahawa golongan wanita jauh lebih ramai memilih untuk bekerja berbanding golongan lelaki. Malah, keadaan ini juga menunjukkan bahawa kadar penyertaan tenaga buruh wanita di Malaysia telah meningkat dengan begitu signifikan (Unit Perancangan Ekonomi, 2015).

Penyertaan wanita dalam pembangunan ekonomi turut memberikan sumbangan terhadap pendapatan per kapita sesebuah negara (Bank Negara Malaysia, 2020a). Sekiranya pendapatan rakyat dapat ditingkatkan, maka rakyat dapat menuai hasil daripada kestabilan ekonomi dan secara tidak langsung dapat menikmati kemakmuran ekonomi negara (Deloitte, 2018). Justeru, KES mempunyai peranan yang penting untuk melihat perkembangan aktiviti sektor informal kerana pekerja dalam sektor ini memiliki kelemahan dalam perlindungan sosial di samping perkembangan sosioekonomi yang lebih rapuh berbanding pekerja dalam sektor formal. Kelemahan utama seperti ketiadaan kemudahan sistem pencen pada usia tua, kesukaran untuk mendapatkan hak dan keadilan di bawah sistem perundangan serta ketiadaan simpanan kewangan mencukupi pada masa hadapan boleh mendatangkan kesan terhadap kesejahteraan ekonomi subjektif (Wahab et al., 2021). Tambahan pula, ketiadaan skim perlindungan insurans dan skim perlindungan kesihatan mengurangkan beban kewangan sekiranya berlaku sebarang kemalangan atau wabak penyakit di tempat kerja serta boleh menjejaskan kesejahteraan hidup mereka (De Soto, 2000). Justeru itu, perlindungan sosial amat diperlukan kerana ianya menyediakan perlindungan kepada individu bagi menghadapi kesukaran ekonomi dan sosial pada masa yang tidak terduga (Bank Negara Malaysia, 2021).

Pekerjaan informal dapat mempengaruhi golongan wanita di seluruh dunia. Pekerjaan ini tidak mementingkan tahap pendidikan selain dari berupaya meningkatkan jumlah pendapatan seseorang individu sehingga memberikan kesan positif terhadap individu dan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Walaupun beberapa negara telah berusaha mengiktiraf, mengurangkan dan mengagihkan semula segmen pekerjaan informal, namun bahagian terbesar daripada beban ini akan terus ditanggung oleh golongan wanita (Ferrant et al., 2014). Bahagian ini telah mengumpulkan maklumat mengenai fenomena ekonomi informal di peringkat global dan menemukan beberapa perkara seperti yang berikut:

- i. Petunjuk terkini menunjukkan bahawa ekonomi informal global adalah besar (Chen, 2008). Amerika Latin dan Afrika Sub-Sahara mempunyai tahap informal tertinggi. Eropah dan Asia Timur pula merupakan wilayah dengan tahap informal yang paling rendah.
- ii. Sebanyak 61 peratus pekerjaan global dianggarkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa berada dalam ekonomi informal (ILO, 2018d).
- iii. Bank Dunia menganggarkan 64.7 peratus pekerja di negara-negara berkembang berada dalam ekonomi informal (World Bank, 2019).
- iv. Berdasarkan kaji sedilik perusahaan daripada Bank Dunia, didapati bahawa 54 peratus syarikat di semua negara yang dikaji telah bersaing dengan firma yang

tidak berdaftar atau informal (World Bank, 2019).

- v. Sektor informal (termasuk pertanian) dianggarkan menyumbang 20 dan 64 peratus daripada jumlah KDNK negara membangun menjelang tahun 2000 dan ke atas (Charmes, 2012).
- vi. Syer ekonomi informal global untuk pekerjaan tidak standard dalam sektor informal (misalnya pekerjaan sambilan dan sementara) di seluruh dunia telah berkembang sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Berdasarkan Indeks Tenaga Kerja Dalam Talian, ekonomi jangka pendek dalam talian mempunyai pertumbuhan 26.5 peratus dari 3 Mei 2016 hingga 8 September 2019 (*Oxford Internet Institute*, 2019). Pertumbuhan ekonomi jangka pendek ini menunjukkan peningkatan keperluan di peringkat global untuk tenaga kerja khusus dan pekerjaan sementara.
- vii. Menurut laporan kaji selidik guna tenaga sektor informal di Malaysia, peratusan pekerja dalam sektor informal telah meningkat dari 9.3 peratus pada tahun 2012 kepada 11.4 peratus pada tahun 2015, dengan *Compound Annual Growth Rate* (CAGR) sebanyak 10.3 peratus dalam tempoh yang sama. Kenaikan ini memperlihatkan peningkatan jumlah syer penduduk yang bekerja dalam sektor informal dengan sedikit perlindungan sosial dan liputan undang-undang buruh (Lim, 2016).

1.3 Pernyataan Masalah

Secara umumnya, pembangunan ekonomi di Malaysia telah dijana oleh pelbagai sektor yang terdiri daripada sektor institusi kewangan, bukan kewangan, kerajaan dan isi rumah. Menurut Nazaria et al. (2011), pihak kerajaan dan pakar ekonomi telah membuat andaian awal bahawa gabungan polisi ekonomi dan sumber akan dapat mengubah ekonomi tradisional kepada ekonomi yang lebih moden dan dinamik. Bagaimanapun, ternyata andaian tersebut meleset. Andaian tersebut menjangkakan bahawa sektor informal akan hilang berikutan perkembangan sektor formal dan perkembangan masyarakat moden. Walau bagaimanapun, sebaliknya telah berlaku. Sektor informal didapati semakin berkembang di seluruh negara (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014).

Jabatan Statistik Malaysia (2017) melaporkan dalam *Informal Sector Workforce Survey and Annual GDP Malaysia* bahawa di Malaysia terdapat 90 peratus pekerja informal pada tahun 2015 dan 2017. Laporan tersebut mendapati bahawa sebanyak 40 peratus pekerjaan informal yang dijalankan di rumah, satu pertiga tidak mempunyai lokasi tetap dan 18.1 peratus dijalankan di kedai jalanan. Namun begitu, kini pengkaji tempatan didapati kurang memberikan perhatian terhadap penyelidikan pekerjaan dalam sektor informal. Golongan ini seolah-olah diabaikan dari sudut kebajikan dan tahap kesejahteraan ekonomi mereka. Justeru, kajian yang dijalankan ini amat penting bagi memahami faktor penyebab masyarakat memilih untuk bekerja dalam sektor informal berdasarkan ciri-ciri demografi.

Berdasarkan statistik pekerjaan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), sebanyak 61.2 peratus pekerjaan global berada dalam sektor informal (ILO, 2018). Hal ini menunjukkan bahawa negara yang mempunyai sektor informal yang besar cenderung untuk berkembang di bawah tahap potensi mereka. Firma informal yang kecil pula cenderung untuk menghasilkan produktiviti yang rendah dengan akses kewangan yang terhad dan tidak menyumbang kepada pendapatan kerajaan dalam bentuk hasil cukai. Berdasarkan Kaji Selidik Pertubuhan Bank Dunia pada tahun 2011, sektor informal (termasuk pertanian) dianggarkan menyumbang sebanyak 20 hingga 64 peratus daripada jumlah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi negara-negara membangun sejak dari tahun 2000 dan tahun-tahun berikutnya (Charmes, 2012). Jumlah ini merupakan satu angka yang besar kepada perkembangan ekonomi sesebuah negara. Namun demikian, sektor informal masih belum mendapat perhatian yang serius daripada pihak kerajaan bagi menangani masalah kemiskinan tegar serta memperbaiki taraf hidup pekerja informal agar lebih seiring dengan pembangunan ekonomi negara serta mencapai matlamat dan dasar RMKe-12.

Selanjutnya, sektor informal juga berkaitan dengan ketidaksamaan jantina. Di peringkat global, sebanyak 58 peratus wanita yang bekerja dalam sektor informal berkemungkinan berada dalam keadaan yang tidak menentu dan bergaji rendah. Statistik rasmi ini menunjukkan bahawa sektor informal tidak memberikan kelebihan kepada pekerja wanita. Banyak kajian ilmiah yang menyatakan bahawa ramai wanita memilih untuk tidak bekerja atau keluar daripada pasaran buruh apabila berhadapan dengan masalah penjagaan dan pengurusan anak (ILO dan OECD, 2019). Selain itu, golongan wanita terpaksa berhenti kerja bagi menguruskan anak dan keluarga kerana terdapat kesukaran untuk mendapatkan khidmat pusat jagaan kanak-kanak, kos penjagaan tinggi dan aspek keselamatan di tempat jagaan tersebut (KRI, 2018).

Pekerja informal berkemungkinan lebih miskin dan mendapat gaji yang lebih rendah berbanding pekerja dalam sektor formal (Chletsos dan Sintos, 2021). Pekerja informal tidak mempunyai perlindungan sosial, sukar mendapat kemudahan kredit dan secara umumnya mempunyai latar belakang pendidikan yang rendah (Chletsos dan Sintos, 2021). Data OECD menunjukkan bahawa terdapat lebih dua billion orang yang bekerja secara informal di seluruh dunia dengan risiko dan kerentanan merupakan antara cabaran terbesar bagi mereka yang bergantung secara langsung atau tidak langsung dalam sektor informal (OECD, 2019). Sektor informal merupakan sumber pekerjaan dan pendapatan di kebanyakan kawasan bandar di negara membangun terutamanya Amerika Selatan, Afrika, Timur Tengah, Asia Selatan, China dan lain-lain. Sektor informal banyak menyediakan peluang pekerjaan untuk penduduk bandar yang miskin serta menawarkan perkhidmatan pekerjaan yang fleksibel di samping memberi peluang kepada kepelbagaian aktiviti ekonomi (OECD, 2019; Mahadea et al., 2018).

Menurut Kroll (2011), tahap kesejahteraan hidup manusia mempunyai perkaitan dengan aspek jantina, umur, status ibu bapa dan status perkahwinan. Indikator demografi ini mempunyai hubung kait dengan status pekerjaan, agama, bilangan anak dan tahap pendidikan. Brereton et al. (2011) menjelaskan bahawa status pekerjaan, tingkat pendapatan dan pendidikan merupakan faktor utama dimensi ekonomi bagi menikmati kesejahteraan dalam kehidupan. Contohnya, di Brazil dan Argentina, pekerja informal terpaksa bersara lebih lambat berbanding pekerja formal kerana komitmen terhadap diri

dan keluarga yang melibatkan kewangan sehingga mencapai usia tua tanpa caruman dan skim pencen (OECD, 2019; OECD, 2018).

Sementara itu, rata-rata produktiviti di negara Amerika Latin berada pada tahap 25 hingga 75 peratus daripada jumlah produktiviti pekerja. Produktiviti pula berkurang apabila informaliti meningkat (Loayza, 2018). Aktiviti sektor informal ini mempunyai nilai pasaran. Namun begitu, ia tidak didaftarkan secara rasmi. Secara purata, sumbangan ekonomi informal kepada dunia mewakili 35 peratus dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di negara-negara berpendapatan rendah dan sederhana berbanding 15 peratus di negara maju (Chletsos dan Sintos, 2021). Faktor penyertaan wanita dalam sektor informal dilihat sangat penting dan kritikal kerana di Malaysia, maklumat dan data penerbitan berkaitan sektor informal masih lagi kurang. Kajian berkaitan amat sedikit dan belum ada kajian yang mengkaji penyertaan wanita dalam sektor informal dengan melihat kepada perspektif kesejahteraan ekonomi. Jurang penyelidikan yang ketara dan penyertaan wanita dalam sektor informal di Malaysia memerlukan perhatian penyelidikan yang sewajarnya bagi memahami punca mengapa wanita bekerja dalam sektor informal. Pada tahun 2019, terdapat seramai 1.26 juta pekerja direkodkan bekerja dalam sektor informal, iaitu 8.3 peratus daripada jumlah keseluruhan pekerjaan yang ada di negara ini. Sementara itu, terdapat 2.54 juta guna tenaga informal dalam sektor formal dan sektor pertanian (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Jumlah ini merupakan satu angka yang besar dan memerlukan perhatian, pertimbangan kebajikan serta perlindungan yang sewajarnya.

Hampir 10.0 peratus jumlah pekerjaan informal di Malaysia menunjukkan perlunya tindakan untuk melindungi kepentingan rakyat secara khusus dalam menghadapi ketidakpastian landskap kehidupan pada masa kini. ILO menganggarkan bahawa pekerjaan informal menyumbang lebih daripada separuh jumlah pekerjaan global (61.2 peratus). Anggaran untuk negara membangun dan negara sedang pesat membangun dilihat lebih tinggi, iaitu sebanyak 69.6 peratus (ILO, 2018). Perbezaan besar antara sektor informal Malaysia dengan purata global kebanyakannya berpunca daripada pengecualian aktiviti pertanian dalam takrifan sektor informal di Malaysia. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2017, sebanyak 80.9 peratus pekerjaan dalam sektor informal melibatkan pekerja separa mahir dan penglibatan hanya 19.1 peratus pekerja yang kurang mahir (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017). Pekerja separa mahir merupakan kumpulan terbesar sektor informal di Malaysia. Kelompok ini mempunyai latar belakang pendidikan dan kemahiran yang boleh dianggap lebih baik jika dibandingkan dengan latar belakang pendidikan dan kemahiran pekerja informal di negara membangun yang lain.

Pekerja wanita dalam sektor informal di kebanyakan negara sering bergelut untuk memenuhi keperluan hidup. Mereka bertahan hidup dengan pendapatan kurang daripada 2 Dolar Amerika sehari (Michael et al., 2017). Banyak negara di dunia ini bergantung kepada sektor informal terutamanya di negara membangun dan negara sedang berkembang. Kebanyakan daripada mereka merupakan golongan wanita dan kelompok miskin (Bhowmik, 2005). Ada beberapa pendapat yang berbeza tentang penyelidikan lepas, iaitu mengenai hubungan antara sektor informal dengan kebahagiaan atau kepuasan dalam kehidupan (Hassan et al., 2009). Beberapa hasil penyelidikan dalam literatur telah menyokong dapatan kajian tersebut, iaitu peranan sektor informal yang

memberikan kesan yang kuat terhadap tahap kesejahteraan ekonomi subjektif untuk beberapa kumpulan pekerjaan. Namun demikian, sebahagian yang tidak menyokong mendapati bahawa pekerjaan dalam sektor informal tidak mempunyai kesan terhadap tahap kesejahteraan ekonomi (Binder dan Coad, 2013). Walaupun terdapat perbezaan dapatan berdasarkan kajian yang lepas namun kajian secara berterusan perlu dilakukan supaya sektor informal dapat dilihat dalam pelbagai perspektif. Pihak kerajaan seterusnya boleh melihat semula dasar semasa dan mengambil tindakan dalam mengurangkan kerentanan pekerja dalam sektor informal.

Seterusnya, penyertaan wanita dalam sektor informal menurut Verme (2000) yang dipetik daripada kajian (Arunatilake dan Jayawardena, 2010) merangkumi dua faktor, iaitu faktor pilihan serta faktor keperluan, keadaan pasaran buruh dan kebajikan pekerja (Arunatilake dan Jayawardena, 2010). Model ini menunjukkan bahawa faktor sosiodemografi seperti umur, tahap pendidikan, pendapatan dan kemahiran merupakan faktor signifikan berkaitan penyertaan pekerja dalam sektor informal. Taraf pendidikan yang rendah, pengalaman perniagaan yang kurang baik dan tahap kemahiran yang terhad mendorong penggiat ekonomi beralih kepada sektor informal (Florence, 2018). Implikasi wabak COVID-19 juga dilihat banyak membantu negara mengurangkan risiko pengangguran dan kehilangan pekerjaan dalam kalangan rakyat apabila hadirnya pekerjaan berkonsepkan ekonomi jangka pendek dalam sektor informal yang membantu mengerakkan semula jentera ekonomi rakyat untuk memulihkan semula ekonomi negara.

Perlindungan sosial dalam sektor informal memiliki kekurangan dan kelemahan dalam isu keselamatan sosial, kemiskinan, kerentanan dan unsur-unsur paksaan (Decon, 2004). Pekerja informal tidak mempunyai simpanan untuk hari tua sehingga akan memberikan kesan jangka panjang dalam sesebuah kehidupan. Wanita yang terlibat dengan pekerjaan dalam sektor ini memiliki peluang yang terhad untuk mendapatkan kemudahan pinjaman dan perlu menghadapi keadaan pekerjaan yang kurang selamat berbanding dengan pekerjaan golongan lelaki (Harriss-White, 2010). Pengumpulan data terkini oleh ILO (2013) dan Wanita dalam Pekerjaan Informal, Penganjuran dan Globalisasi (WIEGO), 2017, membuktikan bahawa penyertaan wanita dalam sektor informal melebihi penyertaan golongan lelaki disebabkan oleh kekurangan peluang untuk mengakses pekerjaan dan mempunyai tahap keselamatan sosial yang lebih baik. Keadaan ini menunjukkan bahawa wanita telah didiskriminasikan untuk mengurangkan kos pengeluaran sesebuah syarikat. Pihak syarikat cuba mengelak dari menyediakan standard keselamatan yang minimum di tempat kerja serta menghalang untuk akses kepada perlindungan dan keselamatan sosial atas faktor mengurangkan kos operasi (OECD, 2018; ILO, 2019; Elangkovan, 2013).

Selain itu, inisiatif untuk memperkasakan wanita merupakan antara agenda yang disasarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di bawah Matlamat Pembangunan Milenium (MDG). MDG mula diperkenalkan pada tahun 2000 hingga 2015 yang bertujuan mempromosi dan menitikberatkan isu sejagat iaitu berkaitan jurang pendapatan, jantina, pendidikan dan kemahiran (United Nation, 2005 dan 2021b). Kemudiannya, matlamat ini turut disambut dengan baik dan juga diberi perhatian oleh kerajaan di seluruh dunia seperti yang terkandung dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) bagi tempoh 2016 hingga 2030 (United Nation, 2021b). SDG kelima telah

menetapkan sasaran untuk meningkatkan kesaksamaan jantina agar wujud masyarakat yang seimbang dari segi hak dan peluang pekerjaan. Usaha dan inisiatif Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah inisiatif di peringkat antarabangsa untuk mengurangkan kadar kemiskinan serta mempromosikan maklumat secara berterusan mengenai kepentingan kesihatan, pendidikan, perlindungan dan kesejahteraan ekonomi dalam kehidupan (ILO, 2019).

Di Malaysia, kesejahteraan pekerja dalam sektor informal juga merupakan keperluan untuk melindungi kepentingan dan memenuhi keperluan spesifik rakyat. Ia perlu dilaksanakan bukan sahaja bagi menangani isu keperluan asas dan kemiskinan akan tetapi bagi meningkatkan potensi serta keupayaan kumpulan sasar dalam menghadapi cabaran semasa dalam kehidupan (KRI, 2019). Bagi melancarkan pengurusan rumah tangga, keperluan seisi rumah perlu cukup dan dipenuhi malah hak dan keadilan mereka juga perlu dilindungi (Galloway et al., 2005). Sektor informal didapati tidak mendapat perlindungan sepenuhnya di bawah peruntukan Akta Kerja 1955 (pindaan 2021) dan Akta Gaji Minimum 2002. Hanya beberapa kategori pekerja informal seperti pembantu rumah, nelayan, pekerja sambilan bagi sebahagian subsektor dan pengawal keselamatan yang dilindungi (Ahmad, 2020). Namun demikian, masih ramai dalam kalangan pekerja/peniaga informal di Malaysia yang terpaksa hidup melarat kerana mereka tidak mendapat upah dan gaji yang se layak (KRI, 2018). Hal ini demikian kerana pekerja informal tidak mempunyai jaminan pekerjaan sekiranya berlaku bencana pekerjaan atau jatuh sakit dan perlu menyelesaikan segala kos rawatan dan ubat-ubatan secara persendirian.

Perbezaan tahap kesejahteraan ekonomi subjektif ini banyak dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti pendapatan, perbelanjaan, simpanan, pemilikan harta dan pelaburan serta hutang (ILO, 2019). Sekiranya pendapatan yang diterima adalah rendah, pekerja dalam sektor informal perlu memikirkan cara yang bagaimana mereka mampu untuk menampung keperluan hidup seharian seperti kos sara hidup dan pemilikan rumah. Kebanyakan firma ingin membayar gaji pekerja berdasarkan standard gaji minimum negara, iaitu RM 1,500 sebulan. Jumlah gaji sebegini dilihat tidak wajar berdasarkan kemahiran atau kelayakan seseorang individu. Apatah lagi, sekiranya mereka tinggal di kawasan bandar dengan kos sara hidup yang lebih tinggi bagi memenuhi keperluan sehari-hari. Menurut Rossi dan Blum dalam Zulkifti et al. (1987), kesejahteraan subjektif dilihat dari perspektif golongan miskin dan berpendapatan rendah. Penyertaan seseorang individu, keluarga, ciri-ciri masyarakat serta hubungannya dengan masyarakat umum yang bertindak sebagai individu yang berada dalam sektor informal rata-ratanya dilihat berada dalam kelompok masyarakat kelas rendah (dipetik melalui Paim, 1995).

Pekerja wanita informal memerlukan perlindungan kerana menghadapi kekurangan dalam sosioekonomi dan sosial serta lebih terdedah kepada pelanggaran hak pekerjaan dan unsur-unsur eksploitasi (Bauer Heidi M., et al.2012). Kelemahan ini menjadi kekangan yang boleh memberikan kesan kepada tahap kesejahteraan ekonomi subjektif, iaitu untuk menikmati faedah pencen, mendapatkan hak dan keadilan, simpanan kewangan untuk masa depan serta perlindungan insurans akibat daripada kemalangan dan penyakit yang disebabkan oleh pekerjaan mereka (De Soto. et al., 2000). Gunther dan Launov (2012) telah menguji kewujudan *segmentation* dalam sektor informal. Terdapat jurang ekonomi yang luas antara gaji, jantina, tahap pendidikan dan

pengalaman dalam sektor informal. Keadaan ini jauh berbeza dengan situasi pekerjaan di sektor formal. Berdasarkan sorotan penyelidikan lepas, sokongan kerajaan terhadap penyertaan wanita sebagai pekerja informal diakui tidak mencukupi sehingga memberikan kesan kepada pelaksanaan program bantuan sosial kepada pekerja, jaminan keselamatan serta perlindungan perundangan bagi meningkatkan taraf hidup dan tahap kesejahteraan ekonomi (ILO, 2013).

Selain itu, faktor kemahiran yang digunakan sebagai asas pemboleh ubah mediator dalam kajian ini dilihat penting dan signifikan. Hal ini demikian kerana indikator ini agak kritikal dan faktor kemahiran dianggap sama penting dengan pekerjaan, ekonomi serta kehidupan sosial dalam kalangan pekerja informal (Asean Development Bank, 2011; Pina et al., 2012). Elemen kemahiran seperti latihan semula dan peningkatan latihan memberikan kelebihan kepada pekerja untuk menimba kemahiran dan pengetahuan baharu (Nieboer et al., 2005). Justeru, menerusi program dan latihan yang berkaitan, tahap kepakaran mereka menjadi lebih tinggi serta tahap kemahiran juga akan meningkat. Leach (2010) mengakui bahawa pendidikan dan kemahiran mempunyai peranan yang penting kepada golongan wanita dalam sektor informal sekiranya mereka ingin bersaing dengan golongan lelaki untuk mendapatkan pekerjaan. Mekanisma latihan kemahiran dan pendidikan perlu dikaji semula supaya ia boleh menjana pendapatan yang lebih baik untuk wanita dalam sektor informal. Menurut ILO (2019), ketiadaan kemahiran serta jaminan pekerjaan lebih cenderung untuk berlaku kepada pekerja yang berjawatan rendah disebabkan oleh tahap pendidikan yang rendah, kurang mahir serta pengalaman kerja yang sedikit. ILO percaya bahawa peningkatan kemahiran pekerja khususnya wanita akan dapat meningkatkan produktiviti. Tahap produktiviti yang lebih tinggi akan menghasilkan serta meningkatkan tahap pendapatan individu (ILO, 2020).

Selanjutnya, sebanyak tiga teori yang digunakan dalam kajian ini, iaitu Teori Penyebab yang bertujuan untuk memahami penyertaan wanita dalam pekerjaan informal. Teori Utiliti pula untuk menerangkan kepuasan hasil daripada sesebuah barangan atau perkhidmatan (Munzarina et al., 2013). Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2017), pekerjaan informal di Malaysia juga mempunyai persamaan dengan negara luar kerana sektor ini tidak mempunyai perlindungan sosial seperti skim pencen, insurans pekerjaan, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan lain-lain bantuan. Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini, individu yang bekerja sendiri termasuk peniaga kecil dan suri rumah turut digalakkan untuk mencarum sebahagian kecil pendapatan mereka secara sukarela dalam KWSP dan PERKESO. Caruman ini bertujuan untuk simpanan di hari tua dan sebagai perlindungan jika berlaku sebarang bencana ketika bekerja termasuklah masalah kegawatan ekonomi (PERKESO, 2019).

Kebanyakan kajian lepas yang mengaplikasikan teori Penyebab tidak memberikan tumpuan kepada teori lain seperti teori Utiliti dan teori Kehidupan Mampan secara bersama. Terdapat banyak kajian yang membahaskan mengenai aspek kesejahteraan ekonomi subjektif seperti kajian yang telah dijalankan oleh Silverstein dan Bengtson (1994), Kahn, Hessling dan Russell (2003) serta Nahum-Shani, Bamberger dan Bacharach (2011) yang menegaskan perlunya penyelidikan baharu bagi menilai kualiti hidup pekerjaan dari semasa ke semasa. Namun demikian, aspek kesejahteraan ekonomi

subjektif dalam pekerjaan sektor informal dilihat masih tidak mendapat perhatian sewajarnya.

Selain itu, hanya sedikit sahaja penulisan yang mengkaji tentang pengaruh penyertaan wanita berdasarkan ciri-ciri demografi serta kemahiran pekerjaan dalam sektor informal termasuklah aspek kesejahteraan ekonomi subjektif (Omari, 1990). Justeru, penyelidikan ini telah mengisi jurang penyelidikan dengan memberikan tumpuan terhadap penyertaan wanita dan aspek kesejahteraan ekonomi subjektif. Ketika penyelidikan ini dilaksanakan, masih belum ada kajian yang berkaitan dengan aspek kesejahteraan ekonomi subjektif dalam konteks pekerjaan informal di Malaysia. Penyelidikan ini banyak merujuk kepada kajian lepas dari luar negara terutamanya di negara membangun kerana hanya sedikit kajian yang dilakukan di Malaysia. Kajian ini diharap berupaya memberikan sumbangan yang signifikan dan menambah maklumat mengenai penyertaan wanita dalam pekerjaan informal dan aspek kesejahteraan ekonomi subjektif di Malaysia. Mengambil kira pertimbangan ini maka, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti pemboleh ubah yang dapat mempengaruhi penyertaan wanita dalam pekerjaan informal di Malaysia berdasarkan kriteria, ciri-ciri dan konsep yang telah ditetapkan. Maka, diharapkan agar pihak berwajib boleh mengambil pendekatan yang sewajarnya untuk meningkatkan taraf kebajikan dan tahap kesejahteraan ekonomi dalam sektor informal.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan yang sering timbul apabila membicarakan mengenai permasalahan ini ialah berkenaan penyertaan pekerja wanita dalam sektor informal yang perlu diberi perhatian (Chen, 2017). Selain itu, perlu dikenal pasti sebab pemboleh ubah demografi yang boleh mempengaruhi penyertaan wanita dalam sektor informal di Malaysia. Pengabaian tersebut merupakan penafian hak dan keadilan kepada golongan pekerja dalam sektor informal. Konteks pemboleh ubah demografi yang merangkumi aspek umur, pendapatan, taraf pendidikan, bilangan isi rumah dan status perkahwinan merupakan isu asas yang perlu diselidiki dalam menentukan sebab penyertaan mereka dalam sektor informal. Pemboleh ubah dalam kajian ini memiliki kecenderungan untuk mempengaruhi dan dianggap memiliki pengaruh yang signifikan berdasarkan tinjauan dan penyelidikan lepas (Atieno, 2006; Isti Any, et al., 2016).

Persoalan seterusnya ialah sebab wanita menyertai pekerjaan dan perniagaan dalam sektor informal sehingga mempengaruhi aspek kesejahteraan ekonomi subjektif. Kajian yang dijalankan oleh Sahoo dan Neog (2015) di India mendapati bahawa penyertaan wanita dalam sektor informal bukan bidang pertanian mempunyai kaitan dengan faktor migrasi penduduk, umur, pendidikan, nisbah kebergantungan, kemiskinan, kumpulan sosial dan status perkahwinan. Justeru, pelaksanaan kajian ini bertujuan untuk menjawab lima persoalan kajian, iaitu pengaruh demografi, faktor penyertaan wanita dan pengaruhnya terhadap tahap kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah. Berdasarkan permasalahan kajian yang telah dinyatakan di atas, persoalan kajian telah dibentuk sebagai asas kepada objektif kajian. Berikut merupakan persoalan kajian ini:

- i. Adakah terdapat pengaruh demografi (umur, pendapatan, taraf pendidikan, bilangan isi rumah dan status perkahwinan) terhadap penyertaan wanita dalam sektor informal berdasarkan faktor penyertaan secara pilihan?
- ii. Adakah terdapat pengaruh demografi (umur, pendapatan, taraf pendidikan, bilangan isi rumah dan status perkahwinan) terhadap penyertaan wanita dalam sektor informal berdasarkan faktor penyertaan secara keperluan?
- iii. Adakah terdapat pengaruh demografi (umur, pendapatan, taraf pendidikan, bilangan isi rumah dan status perkahwinan) bagi wanita yang menyertai sektor informal terhadap tahap kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah?
- iv. Adakah terdapat pengaruh faktor penyertaan wanita secara pilihan dan secara keperluan terhadap tahap kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah?
- v. Adakah faktor kemahiran sebagai pemboleh ubah mediator dalam pengaruh oleh faktor penyertaan secara pilihan dan faktor penyertaan secara keperluan terhadap tahap kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah pekerja wanita dalam sektor informal?

1.5 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor penyertaan wanita bandar dalam sektor informal dan pengaruhnya terhadap tahap kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah. Berikut merupakan objektif kajian ini secara khusus:

- i. Menentukan pengaruh demografi (umur, pendapatan, taraf pendidikan, bilangan isi rumah dan status perkahwinan) terhadap penyertaan wanita dalam sektor informal berdasarkan faktor penyertaan secara pilihan.
- ii. Menentukan pengaruh demografi (umur, pendapatan, taraf pendidikan, bilangan isi rumah dan status perkahwinan) terhadap penyertaan wanita dalam sektor informal berdasarkan faktor penyertaan secara keperluan.
- iii. Menentukan sama ada terdapat pengaruh demografi (umur, pendapatan, taraf pendidikan, bilangan isi rumah dan status perkahwinan) bagi wanita yang menyertai sektor informal terhadap tahap kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah.
- iv. Menganalisis pengaruh faktor penyertaan wanita secara pilihan dan penyertaan wanita secara keperluan terhadap tahap kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah.
- v. Menenal pasti faktor kemahiran sebagai pemboleh ubah perantara dalam pengaruh oleh faktor penyertaan secara pilihan dan faktor secara keperluan terhadap tahap kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah pekerja wanita dalam sektor informal.

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini adalah untuk menguji pemboleh ubah terdahulu (demografi), pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar yang mempengaruhi penyertaan wanita dalam sektor informal terhadap tahap kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah. Menerusi kajian ini, penyelidik menggunakan hipotesis null (H_0) kerana mendapati bahawa data sampel dan data populasi tidak mempunyai perbezaan. Maka, penyelidik beranggapan bahawa tuntutan terhadap data atau populasi tersebut merupakan kebenaran yang mutlak dan selalunya benar. Maka, walaupun sampel diambil daripada populasi, hasil yang diterima daripada sampel kajian diandaikan sama. Berikut ialah hipotesis bagi kajian ini:

- H_{01} : Tidak terdapat pengaruh signifikan konstruk demografi (umur, pendapatan, taraf pendidikan, bilangan isi rumah dan status perkahwinan) terhadap penyertaan wanita secara pilihan dalam sektor informal.
- H_{02} : Tidak terdapat pengaruh signifikan konstruk demografi (umur, pendapatan, taraf pendidikan, bilangan isi rumah dan status perkahwinan) terhadap penyertaan wanita secara keperluan dalam sektor informal.
- H_{03} : Tidak terdapat pengaruh signifikan konstruk demografi (umur, pendapatan, taraf pendidikan, bilangan isi rumah dan status perkahwinan) pekerja wanita dalam sektor informal terhadap tahap kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah.
- H_{04} : Tidak terdapat pengaruh signifikan faktor penyertaan wanita secara pilihan terhadap tahap kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah.
- H_{05} : Tidak terdapat pengaruh signifikan faktor penyertaan wanita secara keperluan terhadap tahap kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah.
- H_{06} : Faktor kemahiran bukan merupakan mediator dalam pengaruh faktor penyertaan secara pilihan terhadap tahap kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah.
- H_{07} : Faktor kemahiran bukan merupakan mediator dalam pengaruh faktor penyertaan secara keperluan terhadap tahap kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah.

1.7 Skop dan Limitasi Kajian

Kajian ini telah menggunakan teori Penyebab, teori Utiliti dan teori Kehidupan Mampan bagi membentuk sebuah model. Model ini akan menerangkan mengenai faktor-faktor peramal yang mempengaruhi penyertaan wanita dalam sektor informal terhadap tahap kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah. Faktor penyertaan yang diuji meliputi faktor penyertaan secara pilihan dan faktor penyertaan secara keperluan berdasarkan teori Penyebab. Seterusnya, kesejahteraan subjektif ekonomi isi rumah pula meliputi elemen pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan aset yang diuji dengan menggunakan teori Utiliti dan teori Kehidupan Mampan. Pemboleh ubah perantara kemahiran turut digunakan dalam kajian ini. Pemilihan ini berdasarkan perspektif teori gabungan dan amalan bersetuju bahawa kemahiran bertindak sebagai mediator kerana kemahiran dapat memberikan latihan khusus yang meningkatkan pengetahuan. Malah,

latihan dan kemahiran juga akan meningkatkan keupayaan individu (Singer et al., 2001; Shapira 2016).

Skop penyelidikan ini menggunakan pendekatan berasaskan isi rumah (*household*) sahaja. Pendekatan ini membolehkan penyelidik mengunjungi tempat kediaman responden berdasarkan alamat kediaman yang diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Profil responden terdiri daripada pekerja wanita dalam sektor informal yang mempunyai rekod dalam pangkalan data Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tahun 2018. Pekerja yang terlibat dalam kajian ini merupakan individu yang bekerja sendiri. Kriteria ini berdasarkan panduan yang telah ditetapkan dalam tafsiran sektor informal di Malaysia (DOSM, 2020). Sementara itu, kriteria firma informal mestilah tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, mana-mana badan profesional atau kerajaan tempatan (PBT).

Instrumen yang digunakan untuk mengukur faktor-faktor penyertaan wanita dalam sektor informal berdasarkan adaptasi dan pengubahsuaian Laporan Survei Guna Tenaga Sektor Informal 2019 yang diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Selain itu, kajian ini juga menggunakan soalan daripada Laporan Kajian Pekerjaan Sektor Informal Malaysia 2014 yang diperoleh dari Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA), Kementerian Sumber Manusia. Seterusnya, instrumen yang digunakan untuk mengukur konstruk skala kesejahteraan ekonomi subjektif terhad kepada indikator utama pengukuran sahaja, iaitu pendapatan, simpanan, perbelanjaan dan pemilikan aset (Loewe et al., 2014). Instrumen tersebut ialah instrumen yang dibangunkan oleh Kerce, E.W. pada tahun 1992. Beliau mencadangkan kaedah pengukuran seperti *Subjective Quality of Life (SQL)*, *Delight to Terrible Scale* dan *Life Domains*. Item juga telah diubah suai dan pernyataannya berpandukan kepada kajian lepas serta mengambil kira kesesuaian kawasan kajian (Tjahjono et al., 2015). Instrumen ini telah menjalani proses keesahan dan kepercayaan melalui ujian Regresi Linear Berganda.

Selanjutnya, profil pekerja informal dari Jabatan Perangkaan Malaysia mengandungi pangkalan data pekerja yang berumur 15 hingga 64 tahun, iaitu kumpulan umur penduduk yang dianggap masih aktif dalam aktiviti ekonomi. Seramai 474 orang responden yang dipilih menggunakan kaedah pensampelan rawak berstrata. Maka, tidak semua lokaliti bandar di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya akan dipilih. Pemilihan lokasi kajian dilakukan menerusi cabutan kawasan bandar mengikut pemilihan zon. Pensampelan rawak berstrata yang dipilih merupakan pensampelan kebarangkalian (*probability*). Pemilihan teknik pensampelan ini dapat menghasilkan dapatan kajian yang boleh mewakili populasi pekerja wanita informal di kawasan bandar. Seterusnya, tempat kediaman responden tidak termasuk mereka yang tinggal di asrama, penjara, hotel, rumah tumpangan dan hospital. Selain itu, sektor pertanian dan sektor kerajaan berada di luar skop penyelidikan ini. Perbincangan lanjut berkaitan kaedah pensampelan akan dijelaskan dalam bab 3, iaitu metodologi kajian.

1.8 Kepentingan Kajian

Penyelidik telah membahagikan kepentingan kajian kepada tiga pihak yang berkepentingan, iaitu pihak kerajaan, pekerja informal dan medium pengembangan ilmu. Objektif utama kajian ini adalah untuk menentukan faktor penyertaan wanita dalam sektor informal terhadap tahap kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah. Berdasarkan objektif kajian, faktor peramal yang paling memberikan pengaruh akan dapat ditentukan. Maka, perkara ini mampu membantu pihak-pihak berkepentingan untuk merancang, menggubal dasar dan melaksanakan program yang boleh meningkatkan tahap kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah. Berikut merupakan kepentingan kajian ini:

1.8.1 Pihak agensi kerajaan seperti Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Kerajaan Negeri Selangor dan PERKESO perlu menilai dan menambah baik dasar pekerja dalam sektor informal sedia ada. Penyelarasan dasar menerusi mekanisma kerjasama dalam perkongsian data dan maklumat amat penting bagi membantu perkembangan ekonomi dan sosial secara bersasar kepada golongan yang layak. Kewujudan integrasi data pekerjaan dan maklumat membolehkan agensi kerajaan membuat semakan secara berkala dan tepat tanpa berlaku sebarang pertindihan bantuan dan maklumat dalam kalangan penerima bantuan.

Menerusi data terkini, perancangan dan tindakan yang tepat dapat dilakukan oleh agensi untuk menyalurkan bantuan kepada individu dengan kadar segera. Pada masa kini, akibat ketiadaan penyelarasan di peringkat institusi, jabatan dan kementerian, golongan sasaran, iaitu pekerja sektor informal yang memerlukan bantuan tidak dapat dibantu dengan sewajarnya. Pihak kerajaan digalakkan untuk membuat penilaian terhadap dasar sedia ada seperti memberikan insentif kewangan dan modal perniagaan kepada wanita yang terlibat dalam sektor informal supaya pendapatan mereka meningkat, dapat keluar daripada belunggu kemiskinan seterusnya menaik taraf tahap kesejahteraan ekonomi mereka.

1.8.2 Menerusi kajian ini, skop perlindungan wajar diperluas meliputi semua sub sektor dalam sektor informal. Perlindungan sosial pada masa kini berada di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (Akta 789). Akta ini turut mewajibkan sektor pengangkutan dengan penumpang yang masih terhad, iaitu pemandu teksi, e-panggilan dan pemandu bas yang berkuat kuasa mulai pada 1 Jun 2017 (PERKESO, 2019). Namun begitu, mulai 1 Januari 2020, perlindungan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri telah diperluas kepada 19 sektor pekerjaan sendiri seperti penternakan, perhutanan, perikanan, makanan, teknologi maklumat, perniagaan online, perkhidmatan profesional, kesenian, perkhidmatan isi rumah dan lain-lain (PERKESO, 2020). Pertambahan sektor ini akan meningkatkan dan menggalakkan individu untuk bekerja sendiri, mencarum dan mendapat faedah perlindungan akibat kemalangan atau kecelakaan semasa bekerja. Bagaimanapun, pada masa akan datang perluasan skop boleh meliputi faedah untuk anak-anak dan keluarga, pekerjaan, penyakit, usia tua, kecacatan dan juga perlindungan kesihatan. Perluasan skop ini akan meningkatkan manfaat bukan sahaja kepada pekerja malah kepada isi rumah.

1.8.3 Kajian ini telah mengenal pasti pemboleh ubah demografi (umur, pendapatan, taraf pendidikan, bilangan isi rumah dan status perkahwinan) pekerja dalam sektor informal. Ia dilihat boleh membantu kerajaan dalam merangka indikator baharu terhadap dasar perlindungan sosial yang lebih baik dan komprehensif berdasarkan standard amalan pekerjaan antarabangsa. Contohnya, terdapat jurang yang besar terhadap agihan pendapatan antara sektor formal dengan sektor informal. Bagi pandangan penyelidik, jurang ini harus diperbaiki supaya generasi sektor informal pada masa depan akan dapat menikmati tahap kesejahteraan ekonomi yang lebih baik. Hal demikian kerana warisan kesejahteraan bergantung kepada kemampuan modal insan pada masa kini. Hasrat ini seiring dengan konvensyen 183 ILO berkaitan langkah-langkah untuk meningkatkan tahap perlindungan pekerja dalam sektor informal yang lebih mampan (ILO. 2021).

1.8.4 Di samping itu, perluasan skop perlindungan pekerja informal boleh dipertimbangkan dengan memasukkan bidang pekerjaan sambilan secara perundangan. Langkah ini bagi memastikan pemantauan dan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Penguatkuasaan akta menerusi perlindungan Akta Kerja 1955 (pindaan 2021) dan Peraturan-Peraturan di bawahnya membolehkan hak dan taraf kebajikan pekerja dipelihara (Akta Kerja, 1955). Sekiranya terdapat aduan atau berlaku sebarang ketidakadilan, pihak firma boleh diambil tindakan berdasarkan undang-undang sedia ada. Begitu juga dengan penambahbaikan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732). Kedua-dua akta ini juga amat relevan dalam memberikan perlindungan kepada pekerja informal secara khusus pada masa kini. Jika diperlukan, akta sedia ada perlu ditambah baik supaya subsektor dalam sektor informal, iaitu untuk beberapa pekerjaan tertentu dapat diberi keutamaan. Penambahbaikan mengikut keutamaan dalam sektor informal mestilah selari dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) walaupun tidak merangkumi keseluruhan jenis pekerjaan dalam sektor informal. Malah, pada masa hadapan juga pihak kerajaan perlu mewajibkan caruman kepada pekerja dan firma.

1.8.5 Memandangkan kumpulan pekerja dalam sektor informal secara amnya merupakan golongan rentan dan berada dalam kelompok isi rumah B40, golongan ini perlu dibantu. Bentuk bantuan yang disalurkan oleh pihak kerajaan mestilah sesuai mengikut keperluan pekerja itu sendiri. Konsep *one size fit for all* didapati tidak sesuai kerana bantuan yang ingin diberikan perlu bersifat fleksibel. Antara langkah yang boleh dilaksanakan adalah dengan menaik taraf skim pekerjaan melalui galakan subsidi, bantuan insentif serta perlindungan insurans pekerjaan dan kesihatan. Tujuan galakan dan insentif ini adalah untuk agensi kerajaan turut bersama-sama memperbaiki dan meningkatkan taraf kesejahteraan hidup rakyat. Memandangkan latar belakang pendidikan kumpulan ini rata-ratanya berada di tahap yang rendah, maka pihak berwajib perlu memantau bantuan insentif yang telah diberikan agar bantuan disalurkan mestilah berdasarkan kesesuaian dan tempoh masa tertentu.

1.8.6 Kajian ini juga boleh memperkembang lagi wacana ilmu dalam bidang akademik. Para cendekiawan dan ahli akademik boleh membangunkan sebuah modul pekerjaan dan perniagaan dalam sektor informal. Hal demikian kerana sektor informal telah menjadi arah aliran baharu yang menarik minat golongan muda. Contoh pekerjaan sambilan ialah peguam, pembangun perisian atau *software*, pekerja kontrak, kontraktor bebas, pemandu teksi, pemuzik, artis, nelayan, petani dan pemula digital. Pekerjaan

sambilan ini melibatkan ramai pekerja termasuk wanita khususnya golongan muda. Mereka lebih memilih pekerjaan dengan jangka masa yang pendek berbanding pekerjaan sepenuh masa atau pekerjaan tetap (Durward, et al., 2016). Pekerjaan sambilan tersenarai di bawah kategori pekerjaan sendiri. Era digital telah mengubah pandangan generasi muda terhadap kehidupan. Masyarakat dahulu memfokuskan kepada pekerjaan dan kestabilan kerjaya bagi meneruskan kelangsungan hidup. Generasi kini pula lebih mementingkan faktor fleksibiliti dan kebebasan dalam kerjaya (Durward, et al., 2016).

Selain itu, kajian ini memberikan sumbangan kepada perkembangan ilmu literatur dan intervensi perlakuan teoritikal terhadap penyertaan wanita dalam sektor informal. Penyelidikan ini memberikan sumbangan kepada literatur yang relevan dari perspektif kesejahteraan subjektif. Tidak ada penyelidikan secara khusus yang membincangkan mengenai pekerjaan informal dengan menggunakan petunjuk aspek kesejahteraan ekonomi subjektif sebelum ini. Kesimpulannya, kajian ini boleh memberikan manfaat secara langsung kepada pekerja wanita dalam sektor informal. Justeru, pihak kerajaan dan pihak yang berwajib perlu menambah baik terma dan syarat pekerjaan dalam sektor informal dengan menggunakan mekanisma perundangan, program bantuan dan latihan supaya aspek perlindungan, kebajikan dan kelemahan sistem sedia ada dapat diperbaiki.

1.8.7 Seterusnya, penyelidikan berkaitan sektor informal di Malaysia didapati masih kurang. Maka, kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan ilmiah untuk panduan semua, iaitu pelajar, ahli profesional, penggiat industri, badan bukan kerajaan dan ahli akademik. Kajian ini dilihat dapat menjana idea baharu dan menggalakkan perkembangan dalam pemikiran. Pendekatan strategik juga dapat dilaksanakan seiring dengan perubahan semasa. Langkah perlindungan dan penjagaan kebajikan pekerja perlu dirangka dengan pemberian faedah cuti sakit, proses rawatan di hospital (*hospitalization*), tempoh bekerja, pembayaran upah, kerja lebih masa dan sebagainya demi untuk meningkatkan lagi tahap kesejahteraan ekonomi subjektif masyarakat berpendapatan rendah yang melibatkan diri dalam sektor informal. Selain itu, dari sudut sumbangan kepada amalan (*practice*), kajian ini menggabungkan tiga teori. Teori-teori ini boleh dikembangkan lagi bagi menyediakan kerangka kerja baharu yang membantu proses penambahbaikan dasar pekerjaan negara khususnya dalam sektor informal.

1.9 Organisasi Penulisan Tesis

Struktur tesis ini terdiri daripada lima bab yang menghuraikan setiap aspek kajian yang terlibat. Kajian ini telah disusun supaya dapat memberikan satu aliran maklumat yang menyeluruh dan mengikut turutan untuk kemudahan para pembaca. Penyelidikan ini disusun dengan berstruktur melalui pembahagian kepada lima bab. Setiap bab tersebut dirangka serta disusun mengikut struktur kajian supaya lebih teratur dan jelas untuk mencapai setiap objektif kajian. Bab pertama menjelaskan latar belakang kajian dan permasalahan kajian. Persoalan dan objektif kajian dinyatakan bagi menetapkan tujuan dan menjawab kesemua persoalan kajian. Bab ini turut menerangkan kepentingan kajian kepada pihak kerajaan, pekerja informal dan kepada para sarjana untuk kepentingan akademik. Selain itu, penerangan skop, limitasi kajian serta definisi istilah juga dibincangkan dalam bahagian ini bagi menerangkannya dengan lebih jelas.

Bab kedua merupakan kajian literatur yang menghuraikan mengenai kajian lepas. Ulasan dan literatur kajian ini telah dibangunkan hasil daripada penelitian dan perbandingan kajian sebelumnya. Maklumat dan data yang diperoleh daripada jurnal, buku, artikel, laporan tahunan, statistik serta pekeliling laporan jabatan kerajaan telah digunakan sebagai sumber rujukan. Bab ini juga menerangkan teori yang digunakan serta perkembangan sektor informal di negara-negara lain seperti Sub-Sahara, Amerika Latin, Asia Tengah dan Asia Selatan. Seterusnya, perbincangan menjurus kepada faktor demografi, faktor penyertaan dan aspek kesejahteraan ekonomi subjektif isi rumah. Bab ketiga merupakan metodologi kajian yang membincangkan secara terperinci mengenai reka bentuk kajian, lokasi, populasi, sampel dan kaedah pensampelan yang digunakan dalam kajian ini. Selain itu, pra-uji, keesahan dan ujian kebolehpercayaan instrumen kajian juga turut dilakukan. Analisis kajian ini menggunakan perisian SPSS Versi 24 melalui ujian Regresi Linear Berganda dan IBM AMOS Versi 23.

Bab keempat membincangkan hasil kajian secara kuantitatif. Hasil daripada dapatan kajian ini dinyatakan secara sistematik dalam bentuk jadual dan huraian yang jelas. Bab kelima pula mengandungi rumusan kajian ini yang dikupas secara menyeluruh dan lengkap. Rumusan bab ini dirangkumkan berdasarkan hasil keputusan kajian dan juga objektif kajian yang telah ditetapkan pada peringkat awal. Implikasi kajian turut dinyatakan bagi memberikan cadangan penambahbaikan kepada pemegang taruh dan pihak-pihak yang berkepentingan. Akhir sekali, kajian lanjutan dicadangkan sebagai kesinambungan penyelidikan pada masa hadapan. Kelima-lima peringkat pengurusan tesis ini dirancang dengan teliti supaya sesuai dengan tempoh masa pelaksanaan penyelidikan dan memenuhi semua objektif yang ditetapkan.

1.10 Definisi Istilah

